

ISU MUD AJWAH DAN IMPLIKASINYA TERHADAP PENGAMALAN KEWANGAN ISLAM SEMASA: SOROTAN LITERATUR

Mohd Asyadi Redzuan

Akademi Pengajian Islam Kontemporari,
Universiti Teknologi MARA, Cawangan Johor,
Johor, Malaysia

Dziauddin Sharif

Akademi Pengajian Islam Kontemporari,
Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka,
Melaka, Malaysia

Mohamed Fairouz Abdul Khir

International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF),
Kuala Lumpur, Malaysia

Corresponding Author's Email: mohda131@uitm.edu.my

Article history:

Received : 23 August 2021

Accepted : 18 November 2021

Published : 28 December 2021

ABSTRAK

Transaksi mud ajwah merupakan salah satu isu hangat dalam perbincangan riba al-buyu'. Transaksi ini secara umumnya merujuk kepada pertukaran di antara dua barang ribawi, yang mana semasa pertukaran tersebut berlaku, turut digabungkan sekali pada barang ribawi yang ditukar itu dengan barang ribawi jenis lain atau barang bukan ribawi sehingga kelihatan secara zahirnya berlaku ketidaksamaan dari aspek kuantiti, timbangan atau berat, sekaligus membawa kepada pelanggaran kepada syarat penting jualbeli barangan ribawi iaitu persamaan kuantiti (*tamathul*). Hal ini membawa kepada berlakunya perselisihan pendapat dalam kalangan fuqaha mengenai hukum penjualannya yang turut dipengaruhi oleh perbezaan dalam metodologi berijtihad. Dengan menggunakan kaedah analisis kandungan, kertas kerja ini dilakukan untuk menjelaskan pandangan fuqaha secara umum mengenai transaksi mud ajwah, sebab berlakunya perselisihan pendapat serta mengenalpasti ruang-ruang yang boleh diterokai oleh kaedah ini untuk diaplikasikan dalam muamalat semasa. Kaedah transaksi secara mud ajwah dilihat berupaya dijadikan sebagai panduan dalam menyelesaikan isu-isu muamalat semasa. Perlaksanaannya tertakluk kepada peraturan-peraturan yang telah digariskan oleh para fuqaha demi menutup pintu riba.

Kata Kunci: Mud ajwah, Riba, Ijtihad

MUD AJWAH ISSUES AND ITS IMPLICATIONS ON CURRENT ISLAMIC FINANCIAL PRACTICE: LITERATURE HIGHLIGHTS

ABSTRACT

The mud ajwah transaction is one of the hot issues in the riba al-buyu 'debate. This transaction generally refers to an exchange between two ribawi goods, which when the exchange takes place, is also combined once on the ribawi goods exchanged with other types of ribawi goods or non -ribawi goods so that there appears to be an inequality in terms of quantity, weight or weight, thus leading to a violation of the important condition of buying and selling ribawi goods, namely the equation of quantity (tamathul). This led to the occurrence of disagreement among the jurists about the law of sale which was also influenced by differences in the methodology of ijti had. Using the content analysis method, this paper is done to explain the views of jurists in general on the transaction of mud ajwah, the reasons for the occurrence of disagreements as well as identify the spaces that can be explored by this method to be applied in current muamalat. The mud ajwah transaction method is seen to be able to be used as a guide in resolving current muamalat issues. Its implementation is subject to the rules that have been outlined by the jurists in order to close the door of usury.

Keywords: *Mud ajwah, Riba, Ijtihad*

PENDAHULUAN

Transaksi mud ajwah merupakan salah satu topik perbincangan hangat dalam bab riba. Terma Mud merujuk kepada suatu ukuran, sukatan atau timbangan yang digunakan oleh masyarakat Arab manakala terma ajwah pula merujuk kepada buah tamar dari Madinah yang baik grednya. Mud ajwah merujuk kepada suatu transaksi yang melibatkan pertukaran di antara dua kumpulan aset yang masing-masing mengandungi barang ribawi. Barang ribawi sepertimana yang dinyatakan dalam hadis berkenaan dengan riba adalah merujuk kepada komoditi emas, perak, gandum, barli, tamar dan garam. Salah satu daripada kumpulan aset tersebut atau kedua-duanya boleh terdiri daripada gabungan dua barang ribawi atau gabungan antara barang ribawi dengan barang bukan ribawi. Manakala gabungan dua barang ribawi pula boleh juga terdiri daripada barang yang sama atau berbeza illah, jenis atau kualitinya (al-Nawawi, 2000).

Umum mengetahui bahawa syariah telah menetapkan beberapa peraturan penting berkaitan dengan jualbeli melibatkan barang ribawi. Sekiranya berlaku pertukaran di antara dua barang ribawi yang sama illah dan jenis seperti emas ditukar dengan emas atau gandum ditukar dengan gandum, maka pertukaran tersebut perlu patuh kepada dua peraturan iaitu sama timbangan atau sukatan serta pertukaran berlaku secara serta merta. Namun jika pertukaran berlaku di antara dua barang ribawi yang sama illah tapi berbeza jenis seperti emas ditukar dengan perak atau gandum ditukar dengan tamar, maka ianya hanya perlu

dilakukan secara serta merta manakala timbangan atau sukatanya boleh berbeza. Ini merupakan peraturan asas bagi jualbeli melibatkan barang ribawi. Kejahilan mengenai kadar timbangan barang ribawi semasa kontrak pertukaran berlaku boleh membawa kepada wujud perbezaan kadar timbangan sekaligus membawa kepada riba al-fadl.

Teknik jualbeli berasaskan kaedah mud ajwah mengundang kepada persoalan adakah ianya melanggar syarat-syarat utama pertukaran barang ribawi. Justeru, penulisan ini dilakukan untuk menjelaskan pandangan fuqaha secara umum mengenai permasalahan mud ajwah, sebab berlakunya perselisihan pendapat serta mengenalpasti ruang-ruang yang boleh diterokai oleh kaedah ini untuk diaplikasikan dalam muamalat semasa. Penulisan ini juga berusaha untuk melihat batasan kepada kaedah ini untuk dijadikan sebagai sandaran dalam menyelesaikan isu-isu muamalat semasa.


METODOLOGI KAJIAN

Penulisan ini menggunakan metod kualitatif serta analisis kandungan. Penulis merujuk kepada kitab-kitab turath (klasik) mazhab-mazhab utama seperti kitab al-Mabsut dan Hasyiah Ibn Abidin dalam mazhab Hanafi, kitab Manh al-Jalil serta al-Taj wa al-Iklil dalam mazhab Maliki, kitab al-Hawi al-Kabir serta Raudhah al-Talibin dalam mazhab al-Syafie serta kitab al-Mughni dalam mazhab Hanbali. Penulis turut merujuk kepada penulisan-penulisan semasa berkaitan dengan topik kajian. Penulis meneliti teks-teks kitab serta penulisan berkaitan, kemudian membuat rumusan daripada penelitian tersebut.


DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan perbincangan para fuqaha dalam kitab klasik, gambaran transaksi mud ajwah ini dapat dijelaskan kepada beberapa contoh seperti berikut:


- a) Pertukaran di antara segantang kurma beserta satu dirham (dalam satu kumpulan aset) dengan segantang kurma beserta satu dirham (dalam satu kumpulan aset yang lain) atau dengan dua gantang kurma atau dengan dua dirham sepertimana dalam gambarajah 1.
- b) Pertukaran di antara satu dinar beserta satu dirham (dalam satu kumpulan aset) dengan satu dinar beserta satu dirham (dalam satu kumpulan aset yang lain) atau dengan dua dinar atau dengan dua dirham sepertimana dalam gambarajah 2. Kualiti dinar atau dirham yang ditukar boleh jadi sama atau berbeza grednya.
- c) Pertukaran di antara satu dirham beserta sehelai pakaian (dalam satu kumpulan aset) dengan satu dirham beserta sehelai pakaian (dalam satu kumpulan aset yang lain) atau dengan dua helai pakaian atau dengan dua dirham sepertimana dalam gambarajah 3.



Gambar rajah 1: Transaksi mud ajwah melibatkan gabungan barang ribawi berbeza illah.



Gambar rajah 2: Transaksi mud ajwah melibatkan gabungan barang ribawi yang sama illah.



Gambar rajah 3: Transaksi mud ajwah melibatkan gabungan barang ribawi dengan barang bukan ribawi

Sebagaimana disebutkan di awal penulisan, pertukaran melibatkan barang ribawi dengan berasaskan kaedah mud ajwah seperti yang telah diterangkan di atas mengundang kepada persoalan adakah ianya melanggar syarat-syarat utama pertukaran barang ribawi. Natijahnya, wujud perselisihan pendapat dalam kalangan fuqaha mengenai keabsahan atau kesahihan jualbeli berasaskan kaedah mud ajwah. Perbezaan pandangan tersebut dapat dipecahkan kepada tiga seperti berikut:

Pendapat pertama: Sebahagian fuqaha mengharamkan secara mutlak jualbeli berasaskan kaedah mud ajwah. Pandangan ini merupakan pandangan utama dalam mazhab al-Syafie, mazhab al-Dzahiri serta sebahagian fuqaha mazhab Maliki dan Hanbali. Justeru, berdasarkan pandangan ini, semua bentuk jualbeli berasaskan kaedah mud ajwah sepertimana dijelaskan dalam contoh di atas adalah tidak harus (al-Nawawi, 1991; Ibn Qudamah, 1968; al-Illysh, 1989).

Salah satu dalil yang dijadikan hujah oleh fuqaha yang tidak membenarkan kaedah mud ajwah ini ialah satu riwayat daripada Fadhalah bin Ubaid r.a yang menceritakan dia telah membeli kalung yang terdiri daripada emas dan permata dalam perang Khaybar pada harga 12 dinar. Selepas emas dan permata dipisahkan, dia mendapati timbangan emas kalung lebih berat daripada 12 dinar. Kemudian dia memberitahu perihal tersebut kepada Nabi s.a.w, lalu Baginda s.a.w bersabda (mafhumnya), "*Jangan jual sehingga dipisahkan (antara emas dan permata).*" (Sahih Muslim, no 1591). Dalil ini secara zahirnya menunjukkan akan larangan menjual sehingga dipisahkan satu barang daripada barang yang lain demi merealisasikan syarat persamaan di antara objek pertukaran dengan harga serta mengelakkan berlakunya lebihan timbangan sekaligus menutup pintu riba al-fadl (Zakariya al-Ansari, t.t). Mereka turut berhujah apabila berlakunya gabungan aset yang berbeza untuk dijadikan sebagai satu objek jualan, maka nilai objek tersebut tidak lagi ditentukan berdasarkan komponen kepada objek, namun ianya ditentukan dengan melihat objek tersebut secara holistik (al-Mawardi, 1999)

Pendapat kedua: Mazhab Hanafi serta Imam Ahmad dalam salah satu riwayatnya pula membenarkan jualbeli berasaskan kaedah mud ajwah dengan beberapa syarat (al-Sarkhasi, 1993). Mereka mensyaratkan pertukaran tersebut dilakukan secara lani atau serta merta. Sekiranya pertukaran melibatkan satu jenis barang ribawi dengan dua jenis barang ribawi atau salah satunya adalah barang ribawi, mereka membenarkan pertukaran dengan syarat kadar barang ribawi tunggal lebih besar daripada tukarannya. Misalnya, si penjual ingin melakukan pertukaran di antara 10 dinar dengan 9 dinar beserta sehelai baju. Dalam kes ini, kadar barang ribawi tunggal iaitu 10 dinar lebih tinggi daripada tukarannya iaitu 9 dinar beserta sehelai baju. Justeru, jualbeli ini dibenarkan kerana menepati syarat di atas. Selain daripada syarat-syarat di atas, mereka juga menegaskan pertukaran tersebut mestilah bukan helah untuk melakukan riba. Pandangan ini diterima oleh kebanyakan ahli cendekiawan Islam semasa. Antara dalil bagi aliran yang membenarkan jualbeli ini beserta syarat-syarat yang disebutkan di atas adalah seperti berikut:

- a) Daripada Abu Hurairah bahawasanya Nabi s.a.w bersabda (mafhumnya), "*Apabila emas ditukar dengan emas, hendaklah sama sukatan dan*

timbangannya, begitu juga apabila perak ditukar dengan perak, hendaklah sama sukatan dan timbangannya, sesiapa yang berlebihan maka itu adalah riba” (Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal, no. 9639)

- b) Hadis Ubadah bin Shamit berkata: Nabi s.aw bersabda (mafhumnya), *“Apabila emas ditukar kepada emas, perak kepada perak, gandum kepada gandum, barli kepada barli, tamar kepada tamar, garam kepada garam, hendaklah sama sukatan dan timbangannya, serta secara lani. Sekiranya berbeza jenis, juallah mengikut kadar yang kamu suka dengan syarat pertukaran dibuat secara lani.”* (Sahih Muslim, no. 1587)

Dalil-dalil di atas secara amnya menunjukkan akan keharusan melakukan jualbeli atau pertukaran antara barang ribawi dengan barang ribawi mengikut kaedah mud ajwah. Dalil tersebut juga memberi indikator jika pertukaran di antara barang ribawi yang sama jenis dibenarkan, maka begitu juga pertukaran di antara barang ribawi yang turut disertakan dengan salah satunya jenis yang berbeza seperti pertukaran berasaskan kaedah mud ajwah ini. Sekiranya seseorang itu melakukan pertukaran di antara 10 dirham berserta 1 dinar (satu kumpulan aset) dengan 11 dirham (harga) dapat disimpulkan bahawa berlakunya pertukaran di antara 10 dirham dengan 10 dirham dan pada masa yang sama juga pertukaran di antara 1 dinar dengan 1 dirham. Justeru, pertukaran ini sah menurut syarak selagimana ia dilakukan secara lani. Namun para fuqaha bersepakat mengharamkannya sekiranya harga adalah sama nilai atau kurang daripada tukarannya. Misalnya, pertukaran di antara 10 dirham beserta 1 dinar dengan 10 atau 9 dirham. Pertukaran ini tidak dibenarkan serta boleh membawa kepada helah melakukan riba. Ini merupakan hujah bagi para fuqaha yang membenarkan jualbeli berasaskan kaedah mud ajwah ini dengan syarat nilai bayaran adalah lebih besar daripada tukarannya disamping motif jualbeli yang jelas dan bukannya helah kepada melakukan riba.

Pendapat ketiga: Sebahagian fuqaha membenarkannya namun dengan syarat yang berbeza. Mereka mensyaratkan bahawa barang ribawi tersebut mestilah bersifat subsidiari (*tabi'*). Dengan kata lain, barang ribawi tersebut bukan objektif utama ketika melakukan pertukaran. Penentuan kepada sifat ini ialah dengan melihat kepada nilainya dibandingkan dengan nilai bayaran harga. Mereka membenarkan sekiranya nilai barang ribawi tersebut adalah satu pertiga atau kurang daripada nilai bayaran. Mereka juga menegaskan motif utama pertukaran tersebut ialah untuk mendapatkan komoditi dan bukannya untuk melakukan helah riba. Misalnya, si penjual ingin melakukan pertukaran di antara kalung bersulam emas dengan 10 dinar. Nilai emas pada kalung tersebut ialah 3 dinar. Dalam kes ini, kadar emas sulaman tersebut adalah tidak melebihi satu pertiga. Justeru, jualbeli ini dibenarkan berdasarkan kepada pandangan ini. Pandangan ini merupakan salah satu pandangan dalam mazhab Maliki, salah satu riwayat Imam Ahmad serta pandangan Imam Ibn Taymiyah (Ibn Taymiyah, 1995: Ibn Abdil Bir, 1980).

Aliran ini membina pandangan mereka berdasarkan riwayat Abdullah Ibn Umar r.a yang mengatakan Nabi s.a.w telah bersabda (mafhumnya), *“Barangsiapa menjual hamba, maka hartanya adalah milik si penjual kecuali*

disyaratkan kepada pembeli.” (Sahih Muslim, no. 1543). Hadis ini menunjukkan seorang pembeli boleh membeli hamba beserta harta yang ada pada hamba tersebut walaupun berkemungkinan berlakunya pertukaran di antara barang ribawi yang sama jenis. Misalnya, seorang penjual menjual hamba pada harga 10 dinar. Hamba tersebut pula dalam koceknya terdapat 2 dinar. Justeru, berlaku pertukaran di antara 10 dinar dengan seorang hamba beserta 2 dinar. Pertukaran ini dibenarkan dengan syarat motif utama pembeli adalah untuk memiliki hamba manakala wang saku hamba tersebut adalah bersifat *tabi'*.

Al-'Af dan Ridhwan (2014) menjelaskan antara sebab berlakunya perbezaan pendapat dalam kalangan fuqaha ialah berlakunya pertentangan di antara dalil-dalil. Sebahagian dalil menunjukkan keharusan pertukaran atau jualbeli berasaskan kaedah mud ajwah dan dalil ini diklasifikasikan sebagai dalil am manakala dalil tafsili yang lain pula secara zahirnya mengharamkannya. Sebahagian fuqaha berpegang kepada dalil umum yang menunjukkan akan keharusan jualbeli tersebut. Mereka mentafsirkan larangan yang disebut dalam hadis Fadhalah ialah sebagai larangan jualbeli sekiranya nilai atau timbangan barang ribawi tidak dapat ditentukan. Sekiranya dapat ditentukan, maka boleh dijualbeli berdasarkan kepada dalil umum. Hadis tersebut juga difahami dengan cara berbeza di mana tidak disyaratkan memisahkan di antara barang ribawi dengan komoditi lain, namun disyaratkan dapat mengetahui kuantiti barang ribawi tersebut. Sebahagian fuqaha yang lain pula mengambil pendekatan yang berbeza. Mereka berpendapat hadis Fadhalah mengkhususkan hukum hadis am. Justeru, mereka cenderung mengharamkan jualbeli berasaskan kaedah mud ajwah ini.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, dapat diperhatikan kaedah mud ajwah merujuk kepada pertukaran atau jual beli yang melibatkan harta fizikal serta dilakukan secara lani. Hal ini dapat dilihat dengan jelas jika meneliti syarat-syarat yang ditetapkan oleh fuqaha yang membenarkan jualbeli berasaskan kaedah mud ajwah ini. Bagaimana pula jika harta tersebut merupakan produk-produk kewangan seperti saham, sukuk dan amanah saham. Adakah kaedah ini mempunyai ruang untuk diaplikasi dalam produk-produk kewangan tersebut yang lebih kompleks akan status, tabiat dan proses penstrukturannya. al-Suwailem (2012) menegaskan kaedah mud ajwah terpakai bilamana kedua-dua aset pertukaran (barang dan harga) wujud ketika kontrak dimeterai. Sekiranya salah satu tidak wujud, maka kaedah ini tidak terpakai. Shamsiah Mohamad et alia (2018) juga merumuskan kaedah mud ajwah dilihat relevan sekiranya melibatkan barang ribawi secara fizikal. Adapun hutang atau perolehan belum terima dilihat lebih sesuai dipadankan dengan kes jual hamba beserta hartanya seperti hadis Abdullah Ibn Umar di atas. Rafe Haneef (2012) pula melihat kaedah mud ajwah ini boleh dipertimbangkan untuk dijadikan sebagai sandaran dalam menentukan nisbah kecairan sukuk khususnya sukuk yang diterbitkan tanpa aset nyata (*tangible asset*) atau nisbah aset nyata yang sedikit berbanding aset tidak nyata (*intangible asset*) seperti sukuk wakalah dan sukuk musharakah. Al-'Af dan Ridhwan (2014) juga berpandangan kaedah mud ajwah boleh dijadikan sebagai parameter bagi jualbeli saham di pasaran modal atau bursa sekiranya instrumen tersebut tidak dianggap sebagai barang dagangan (*urudh tijarah*)

sebaliknya sifat harta (*maliyah*) saham tersebut ditentukan berdasarkan aset pendasarnya.

Sekiranya pandangan fuqaha yang membenarkan jualbeli berasaskan kaedah mud ajwah ini dipilih, maka pihak-pihak yang berakad perlu memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh fuqaha tersebut. Jika kaedah ini diterimapakai, maka ia bakal memberi implikasi kepada beberapa praktis muamalat semasa. Antara implikasi tersebut ialah keharusan jual emas lama beserta wang dengan emas baru di kedai emas. Salah satu kebiasaan masyarakat setempat ialah apabila mereka hendak menukar emas lama dengan emas baru di kedai emas, peniaga akan menimbang emas lama kemudian menjelaskan nilainya. Pembeli mempunyai pilihan samaada membeli emas baru pada nilai atau berat yang sama atau berbeza. Dalam kes ini, berkemungkinan akan berlaku pertukaran di antara emas dengan emas beserta wang contohnya pertukaran di antara 5 gram emas dengan 4 gram emas beserta RM265. Hal ini mempunyai persamaan dengan pertukaran di antara 10 dinar dengan 9 dinar beserta 1 dirham. Pertukaran ini menepati syarat yang ditetapkan iaitu timbangan barang ribawi tunggal adalah lebih besar daripada timbangan barang ribawi yang hendak ditukar. Pertukaran ini juga perlu dilakukan secara lani. Namun isu yang mungkin timbul di sini ialah adakah timbul helah untuk melakukan riba dalam pengamalan tersebut.

Selain itu, kaedah mud ajwah juga boleh dipraktiskan bagi situasi wujudnya pulangan tunai (*cashback*) yang diberikan oleh peniaga kepada pembeli. Misalnya, seorang penjual menawarkan pulangan tunai sebanyak RM30 bagi pembelian sebuah buku berharga RM100. Dalam kes ini, berlakunya pertukaran di antara RM100 dengan sebuah buku beserta pulangan tunai RM30. Namun sekiranya pulangan tunai RM30 itu dilakukan secara tangguh atau ianya diberikan dalam bentuk kupon, berkemungkinan kaedah mud ajwah dalam situasi ini tidak terpakai.

KESIMPULAN

Permasalahan mud ajwah merupakan salah satu topik hangat dalam bab riba. Perbezaan pandangan mengenai kesahihan jualbeli berasaskan kaedah mud ajwah tidak dapat dinafikan bertitiktolak daripada perbezaan praktik atau metodologi ijtihad yang diamalkan oleh para fuqaha dalam usaha menyelesaikan isu tersebut. Kaedah mud ajwah boleh dijadikan sebagai panduan dalam menyelesaikan isu-isu atau permasalahan muamalat dengan mematuhi syarat-syarat yang telah dikemukakan oleh para fuqaha yang membenarkannya. Kaedah mud ajwah juga dilihat jelas relevan jika melibatkan harta-harta fizikal. Namun untuk mengaplikasikan kaedah ini dalam urusanniaga aset-aset kewangan yang lebih kompleks seperti saham, amanah saham dan sukuk, ianya memerlukan kepada kajian yang lebih terperinci serta mendalam disebabkan komponen kepada aset-aset kewangan tersebut boleh terdiri daripada tunai, hutang, perolehan belum terima, manfaah serta hak kewangan sehingga menimbulkan perdebatan dalam kalangan sarjana Islam samada ianya boleh diqiyaskan dengan kaedah mud ajwah atau tidak. Selain itu, kajian lanjutan juga diperlukan untuk menilai semula

hubungkait antara kaedah mud ajwah dengan prinsip-prinsip lain yang berkaitan seperti larangan melakukan dua transaksi dalam satu jualbeli (bay'atain fi bay'ah), larangan menghimpunkan kontrak jualbeli dengan pinjaman (bay wa salaf), prinsip al-aghlabiyyah serta prinsip al-asalah wa al-tab'iyah. Tambahan pula ia termasuk dalam perkara ijthadi yang sentiasa membuka ruang kepada kepelbagaian pendapat dalam usaha mencari mekanisme atau kaedah terbaik bagi menyelesaikan isu-isu muamalat semasa.

RUJUKAN

- Al-'Af, B. H. & Ridhwan, R. A. (2014). *Masalah Mud Ajwah Dirasah Fiqhiyah Tatbiqiyah*. Majallah al-Jami'ah al-Islamiyah li ad-Dirasah al-Islamiyah. Vol. 22. Issue 2. Hal. 445-474.
- Al-Ilaysh, M. A. (1989). *Manh al-Jalil Syarh Mukhtasar Khalil*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Kasani, Abu Bakr bin Mas'ud (1986), *Badaai' al-Sanaai' fi Tartib al-Syaraai'*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Al-Mawardi, Abu al-Hasan Ali bin Muhammad (1999), *Al-Hawi Al-Kabir*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Al-Sarakhsi, Muhammad bin Ahmad (1993), *al-Mabsut*, Beirut: Dar al-Makrifah.
- Al-Syaibani, A. H. (2001), *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*, Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Suwailim, S. (2008). *Qawā'id al-ghalabah wa al-taba'iyah fi al-mu'amalāt al-māliyyah wa tatbīqātuhā fī tadāwul al-as·hum wa al-wiḥdāt wa al-ṣukūk'*. 05c2f37d-fb20-4852-4219-33530b7bd438.pdf (suwailem.net).
- Al-Qurrah Daghi, A. (2003). *Athar duyun wa nuqud al-sharikah au al-muhafazah 'ala hukm tadawul al-ashum wa al-sukuk wa al-wehdat al-istithmariyah*. Jeddah: Islamic Development Bank.
- Asad, M., Anwar, H.M. (2019). *Qaedah al-asalah wa al-tab'iyah wa atharuha fi al-mu'amalat al-maliyah al-mu'asirah: Dirasah fiqhiyah tatbiqiyah . al-Basirah*. Vol. 8. No. 1. Hal. 61-80.
- Ayedh, A.M.A., Kamaruddin, M.I.H., Shaharuddin, A. (2019). Challenging the current shariah screening methodology assessments in Kuala Lumpur Shariah Index (KLSI), *International Journal of Academic Research in Accounting, Finance and Management Sciences*. Vol. 9. No. 4. Hal. 253-268.
- Ayedh, A.M.A., Shaharuddin, A., Kamaruddin, M.I.H. (2019). *Shariah screening methodology: Does it really shariah compliance?.* *Iqtishadia*. Vol. 12. No. 2. Hal. 144-172.
- Azmi, A., Non, N., Ab Aziz, N. (2017). Challenges to shariah equity screening, from shariah scholars' perspective. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*. Vol. 10. No. 2. Hal. 229-242.
- Ibn Qudamah, Abu Muhammad Muwaffiq al-Din Abdullah bin Ahmad (1968), *al-Mughni*, Maktabah al-Qahirah.
- Ibn Taymiyah, Taqi al-Din Abu al-'Abbas (1995), *Majmu' al-Fatawa*, Madinah: Majma' al-Malik Fahd.

- Mohamad, S., Habib, F., Salim, K. (2018). *Criteria For Determining The Shariah Compliance Of Shares: A Fiqhi Synthesis*. Kuala Lumpur: International Shariah Research Academy fo Islamic Finance.
- Muslim, A. H. (t.t.), *Sahih Muslim*, Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabi.
- Rafee Haneef. (2012). *The Case For Receiveables-Based Sukuk: Convergence Between The Malaysian And Global Shariah Standards On Bay Al-Dayn*. ISRA International Journal of Islamic Finance. Vol. 4. Issue 2. Hal. 119-140.